

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
TINGKAT 9-14 BANGUNAN UMBC.,
JALAN SULAIMAN,
KUALA LUMPUR.

26hb. Oktober, 1974.

Tuan,

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 17 TAHUN 1974

Bayaran Elaun Bantuan Khas kepada Pekerja-pekerja Sambilan

Saya diarah menarik perhatian tuan kepada Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Bil. ANM. SULIT 6/73/(11) bertarikh 19hb. November, 1973 mengenai pembayaran Elaun Bantuan Khas kepada pekerja-pekerja KERajaan Persekutuan/Negeri dan Badan-badan Berkanun/Kuasa Tempatan yang mana ketetapan telah dibuat bahawa pekerja-pekerja sambilan (casual employees) tidak berkelayakan untuk menerima Elaun tersebut.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah mengkaji, semula tentang pembayaran Elaun Bantuan Khas ini kepada pekerja-pekerja sambilan dan memutuskan bahawa elaun tersebut bolehlah dibayar kepada semua pekerja-pekerja jenis tersebut dengan kadar \$1.00 sehari bagi hari-hari mereka bekerja tertakluk kepada jumlah maksima seperti berikut:-

(a) sebanyak \$30.00 sebulan bagi mereka yang menerima gaji tidak melebihi \$300.00 sebulan;

(b) sebanyak \$20.00 sebulan bagi mereka yang menerima gaji di antara \$300.01 hingga \$400.00 sebulan;

(c) sebanyak \$15.00 sebulan bagi mereka yang menerima gaji di antara \$400.01 hingga \$500.00 sebulan.

3. Tarikh kuatkuasa pembayaran Elaun ini kepada pekerja-pekerja ialah pada 1hb. Oktober, 1973.

Saya yang menurut perintah,

(S.VELOO)

Bahagian Gaji,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Awam,
Malaysia.

Semua Ketua-ketua Setiausaha

Kementerian

Semua ketua-Ketua Jabatan

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

s.k. Akauntan Negara, Malaysia, Kuala

Lumpur.

s.k. Semua Badan-badan Berkanun Kuasa-Kuasa Tempatan